

Di sekolah anda, terdapat sebuah makmal komputer yang baru siap dibina. Anda dan rakan-rakan anda berada di dalam makmal komputer tersebut sewaktu runtuh bangunan makmal itu berlaku.

Ceritakan suasana yang berlaku pada hari kejadian. Lengkapkan karangan dengan frasa yang sesuai.

Dimensi Sastera

KBAT Mencipta

Sebentar lagi masa untuk mata pelajaran kegemaranku, iaitu Sejarah akan bermula. Seperti biasa, aku _____ (begitu bersemangat, begitu bertenaga) untuk mempelajarinya. Ketika aku bersiap sedia untuk mengeluarkan buku teks di dalam beg sekolahku, tiba-tiba ketua kelasku memberitahu bahawa Cikgu Syafiq tidak hadir ke sekolah pada hari ini. Beliau dikhabarkan terpaksa pulang ke kampung kerana ibunya dimasukkan ke hospital. Semangatku yang berkobar-kobar _____ (lenyap tiba-tiba, hilang serta-merta).

Cikgu Azian yang menjadi guru ganti menyuruh aku dan murid-murid Tingkatan Lima Semarak ke makmal komputer. Makmal tersebut baru sahaja siap dibina sebulan yang lalu. Suasana kelas menjadi gamat apabila kami _____ (bersorak keriang, bertempik keseronokan). Cikgu Azian meminta kami mencari maklumat tentang zaman penjajahan Jepun di Tanah Melayu. Aku turut berasa

gembira. Sejak makmal komputer itu siap dibina, aku tidak pernah _____ (menjejakkan kaki, menjuntai kaki) ke dalam makmal tersebut.

"Cantik!" pujiku.

Aku memandang sekeliling makmal komputer. Sememangnya bangunan yang bercat hijau, berlantaikan marmar serta bercerminkan tingkap nako itu amat menarik. Tanpa berlengah, aku terus memilih satu daripada komputer yang ada di situ. Aku melayari laman web yang diberitahu oleh Cikgu Azian. Segala maklumat dapat aku akses dengan menggunakan _____ (tengah jari, hujung jari) tanpa perlu mengeluarkan sebarang _____ (titik peluh, titik tengah). Begitulah canggihnya teknologi kini.

Tidak semena-mena kedengaran bunyi "Krak! Krak!". Bunyi tersebut mengganggu konsentrasiku. Jantungku _____ (berdegup kencang, berdetak perlahan) seolah-olah ada petanda buruk bakal berlaku. Namun begitu, aku mencuba mengawal emosiku kerana murid-murid lain leka _____ (melayari Internet, mengunjungi Internet). Tiba-tiba, semua monitor komputer gelap. Bekalan elektrik terputus. Berikutan itu juga, siling bahagian hujung makmal komputer tersebut retak sedikit demi sedikit.

Keadaan menjadi agak cemas. Namun begitu, telinga aku sempat mendengar _____ (biji pertuturan, butir bicara) Cikgu Azian yang mengarahkan kami _____ (bergegas keluar, berlari anak). Kami berlari lintang-pukang untuk menyelamatkan diri masing-masing. Tanpa membuang masa, aku segera menyelamatkan diri. Aku menuju ke kantin. Dari kantin, aku melihat makmal komputer itu ranap dalam _____ (sekilas pandang, sekelip mata).

Aku tergamam. Lidahku kelu. Aku masih terpaku di situ sambil memerhatikan bangunan makmal komputer itu _____ (menyembah bumi, meranap bumi). Beberapa minit kemudian, sepasukan bomba dan penyelamat tiba di pekarangan sekolah. Rupa-rupanya ada murid yang tidak sempat keluar semasa runtuhan berlaku. Mereka terperangkap di dalam makmal komputer tersebut. Pihak bomba dan penyelamat berusaha _____ (secepat mungkin, sedaya upaya) untuk mengeluarkan mangsa. Timbunan batu-bata serta kayu menyukarkan kerja-kerja penyelamatan.

Kelihatan murid lain berpusu-pusu keluar dari kelas masing-masing untuk melihat kejadian yang berlaku. Kebanyakan murid hanya berkumpul di kantin kerana mereka dilarang mendekati kawasan kejadian. Tujuannya adalah supaya kerja-kerja menyelamatkan mangsa berjalan dengan lancarnya.

Akhirnya kesemua mangsa berjaya _____ (dicampak keluar, ditarik keluar) daripada timbunan runtuhan tersebut. Ahli paramedik pula berkejaran menuju ke tempat kejadian untuk _____ (merawat mangsa, menenangkan mangsa). Mangsa terus dikejarkan ke hospital yang berdekatan.

Tiga puluh minit kemudian, barulah kerja-kerja menyelamatkan mangsa selesai. Suasana yang panik dan gamat tadi _____ (kembali tenang, pulih semula). Murid-murid lain masuk ke dalam kelas masing-masing setelah ditenangkan oleh guru disiplin. Hanya murid-murid yang terlibat dalam kejadian berkenaan tetapi sempat menyelamatkan diri dibenarkan berada di kantin. Pihak polis _____ (memberikan penjelasan, mengambil keterangan) daripadaku dan rakan-rakanku yang lain. Hari ini mencatatkan _____ (kenangan manis, pengalaman pahit) dalam hidupku. Aku akan mengabadikan kejadian tersebut dalam diari harianku.

Keesokan harinya, aku mendapat khabar berita bahawa mangsa runtuhan itu cuma mengalami _____ (cedera ringan, cedera parah). Aku tidak henti-henti mengucapkan syukur kerana tiada kemalangan jiwa yang berlaku. Aku mendapat tahu tentang perkara yang sebenarnya. Pihak sekolah telah menyediakan peruntukan yang besar dalam pembinaan makmal komputer demi kemudahan murid-murid. Malangnya, kontraktor yang dilantik melakukan kerja-kerja pembinaan "bagai melepaskan batuk di tangga". Hasil siasatan pihak polis, kontraktor terbabit juga didapati _____ (sengaja membekalkan, sengaja menyembunyikan) bahan-bahan binaan yang _____ (bernilai tinggi, bermutu rendah) untuk menjimatkan kos. Aku berharap agar kejadian buruk itu tidak akan berulang lagi.